



Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK.700-7/3/3 Jld.17 (80)
Tarikh : 6 JANUARI 2026

PEMAKLUMAN KEPADA BADAN PROFESIONAL DAN INDUSTRI

YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan

PEMAKLUMAN KEPUTUSAN DAN PELANTIKAN SYARIKAT BAGI PERKHIDMATAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan, melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ("KPKT"), telah melantik beberapa syarikat untuk melaksanakan Perkhidmatan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, yang akan berkuat kuasa mulai 18 Disember 2025 hingga 17 Disember 2031. Sehubungan itu, pihak-pihak yang terlibat dijemput untuk mengambil maklum dan memberi kerjasama sepenuhnya, bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan ini berjalan lancar, teratur, dan berkesan. Butiran syarikat yang dilantik adalah seperti berikut:

NO	SYARIKAT DILANTIK	NEGERI (PERKHIDMATAN)
1	FIREATLINE SDN. BHD No. 8-4, Komplek Kormersill Akasa, Jalan Akasa, Akasa Cheras Selatan, SERI KEMBANGAN	1. Kuala Lumpur 2. Negeri Sembilan 3. Melaka 4. Johor
2	CRYSTAL SOLARIS SDN BHD, A-13-1, Plaza Glomac, No. 6, Jln SS7/19 Kelana Jaya, 47301 PETALING JAYA	5. Sabah 6. Labuan
3	ANSA DIGITAL SDN BHD Lot No.06-20 (Postal Address 06-29) Sixth Floor, Berjaya Time Square, No 1 Jalan Imbi, 55100, KUALA LUMPUR	1. Selangor 2. Putrajaya 3. Perak 4. Pulau Pinang 5. Kedah
4	LITCOM ENGINEERING SDN BHD, 37-1 (Ground Floor), Jalan Zuhrah BH U5/BH Subang Murni, Seksyen U5 40150 SHAH ALAM	6. Perlis 7. Kelantan 8. Terengganu 9. Pahang 10. Sarawak

.2/-

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

3. Dengan ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil maklum bahawa pelaksanaan Sistem Perkhidmatan SPKA di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) **hanya boleh dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sahaja**. Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Maklumat syarikat yang boleh dihubungi oleh pihak industri adalah seperti yang dilampirkan di **Lampiran A**. Manakala maklumat berkaitan yang disediakan oleh Kerajaan boleh diperolehi melalui laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di **www.bomba.gov.my**.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada Urus Setia SPKA JBPM, **PgB Zainuddin bin Mat Daud** di talian **03-8892 7707**. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI/ Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia